

Setiap bangsa tidak dipinggirkan

^{b.4 1/12/07 M/S 14}
Kerajaan saksama pertingkat sosioekonomi, taraf pendidikan semua rakyat



Perspektif

Bersama

Saifuddin Abdullah

E-mel: saifuddin61@yahoo.com

DISEBABKAN tumpuan lebih dibrikan kepada isu perhimpunan haram anjuran Barisan Bertindak Hak-Hak Hindu (Hindraf) di ibu negara, Sabtu lalu, maka, sebuah majlis pendidikan yang amat penting – termasuk untuk kaum India, yang turut diperjuangkan Hindraf - pada sehari sebelumnya (23 November), terlepas pandang oleh kebanyakan orang.

Acara itu adalah Majlis Anugerah Sekolah Cemerlang (ASC) yang diadakan serentak dengan Anugerah Kualiti Kementerian Pelajaran 2007 yang dirasmikan Menteri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Sejak pelancaran Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) pada Januari lalu, Kementerian mengadakan fokus tertentu setiap bulan. Fokus bulan ini ialah Memperkasakan Sekolah Kebangsaan dan majlis itu adalah salah satu daripada programnya. Ia juga penutup bagi fokus bulanan untuk tahun ini bagi membolehkan Kementerian menilai prestasinya dan menyampaikan kad laporan pelaksanaan PIPP kepada Kabinet, Januari depan.

Fokus ASC terbahagi kepada dua. Pertama; Peringkat Sekolah Cemerlang, membabitkan 14 kategori sekolah, iaitu sekolah rendah (bandar, luar bandar, Orang Asli, Felda dan sekolah kurang murid), sekolah menengah harian (bandar dan luar bandar), sekolah rendah/menengah berasrama (bandar, luar bandar, pedalaman dan pendidikan khas), sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah agama persekutuan, sekolah menengah teknik dan sekolah menengah kebangsaan agama yang dimenangi 106 buah sekolah.

Fokus kedua ialah Peringkat Lonjakan Sajjana, di mana ada tujuh kategori sekolah yang dibahagikan mengikut peningkatan pencapaian peperiksaan (UPSR, PMR, SPM dan STPM) dan aktiviti kokurikulum (su-

kan/permainan dan kelab beruniform/peratuan) yang dimenangi 42 sekolah.

ASC adalah insentif dan galakan kepada sekolah. Bagi 2007, sebanyak RM50 juta diperuntukkan. Setiap pemenang mendapat hadiah wang tunai RM100 hingga RM500 bagi setiap kakitangan sekolah, peruntukan untuk melaksanakan lawatan kerja sebanyak RM50,000 hingga RM200,000 dan peruntukan untuk melaksanakan projek sekolah sebanyak RM36,571 hingga RM162,950.

Sesungguhnya ASC adalah unik kerana ia diadakan pertama kali dengan peruntukan besar dan memberikan hadiah wang tunai kepada guru-guru, manakala anugerah sedia ada sebelum ini diselaraskan di bawahnya.

Hishammuddin berkata, komitmennya untuk 'merintis pembaharuan' dalam pendidikan sedikit sebanyak menyebabkan elemen transformasi mula berlaku.

Antara puncanya ialah beliau menetapkan dua bentuk pendekatan utama dalam melaksanakan PIPP. Pendekatan pertama adalah untuk menyelesaikan tugas dalam rancangan lima tahun sebelum ini, iaitu memastikan akses kepada pendidikan dan menyamaratakan medan persaingan di kalangan pelajar.

Bagi sekolah luar bandar, misalnya setakat ini Kementerian berjaya melaksanakan 52 peratus projek pembangunan kelas prasekolah dan membekalkan air bersih kepada 50 peratus daripada 300 sekolah yang memerlukannya, manakala di Sarawak, semua 432 projek bekalan elektrik 24-jam jangka siap sepenuhnya tidak lama lagi.

Pendekatan kedua adalah berusaha melonjakkan tahap kecemerlangan sekolah dan institusi yang telah bersedia ke suatu tahap lebih tinggi supaya dapat mengangkat imej sistem pendidikan negara di mata dunia. Pendekatan ini membuka dan mencabar minda untuk berfikir di luar kotak dan mencari sebanyak mungkin jalannya.

Tiga program besar yang menggunakan pendekatan kedua ini ialah Sekolah Kluster, penjenamaan semula Sekolah Bestari dan ASC.

Justeru, kenyataan Hishammuddin di acara ASC itu, bahawa kita sedang berada

pada suatu tempoh yang sangat mengujakan dalam dunia pendidikan adalah tepat sekali. Namun, agaknya, satu-satunya pihak yang tidak bersetuju dengan Hishammuddin ialah Hindraf. Tetapi, pemikiran, pendirian dan perangai Hindraf adalah salah sama sekali.

Sama seperti dalam semua bidang pembangunan yang dilaksanakan kerajaan, pembaharuan pendidikan yang dirintis Hishammuddin memberikan tumpuan saksama kepada semua. Oleh itu, tidak timbul langsung persoalan diskriminasi terhadap kaum India atau mana-mana kaum sekalipun.

Dalam ASC peringkat sekolah, lonjakan saujana untuk anugerah UPSR disediakan. Oleh kerana sekolah jenis kebangsaan (Cina dan Tamil) membabitkan mata pelajaran tambahan berbanding dengan sekolah kebangsaan, maka diadakan kategori khas untuknya.

Dalam kategori itu, tempat ketiga dimenangi SJKT Ladang Pamol, Kluang, Johor. Ahli Parlimen Cameron Highlands, SK Devamany (MIC) tidak sepatutnya menyatakan di Dewan Rakyat baru-baru ini bahawa perhimpunan haram Hindraf itu mendapat sokongan kerana kerajaan meminggirkan kaum India, sebab naib johan ialah SJKT Ringlet, iaitu dari kawasannya sendiri!

Contoh lain yang menggambarkan kaum India tidak dibiarkan ialah kejayaan SJKT Ladang Havard, Bedong, Kedah menjadi salah sebuah sekolah yang memenangi ASC bagi kategori sekolah kurang murid.

Begitu juga program pendidikan yang lain. Dalam Sekolah Kluster yang dilancarkan Hishammuddin pada 30 Mac lalu, daripada sembilan sekolah rendah yang terpilih itu, satu daripadanya ialah SJKT Simpang Lima, Klang, Selangor.

Pada hari sama, ketika melawat SJKT Ladang Kemuning, Alor Gajah, Melaka, Hishammuddin mengumumkan peruntukan RM200,000 untuk sekolah itu. Beliau menegaskan bahawa langkah memperkasakan sekolah kebangsaan tidak akan mengabaikan sekolah jenis kebangsaan, termasuklah SJKT.

Pendidikan mempunyai kaitan rapat de-

ngan usaha kerajaan menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi. Sehubungan sungutan Hindraf ini, dalam keadaan tertentu, sebenarnya, kedudukan kaum India adalah lebih baik daripada Bumiputera.

Contohnya, dari segi perkongsian berdasarkan peratusan penduduk, peratusan profesional berdaftar Bumiputera pada 2005 iaitu 38.8 peratus adalah lebih rendah daripada India (10.6 peratus) kerana jumlah penduduk Bumiputera adalah jauh melebihi 38.8 peratus itu sedangkan jumlah penduduk India adalah hampir dengan 10.6 peratus itu.

Kadar pengangguran Bumiputera pada 2005 iaitu 5.3 peratus adalah lebih tinggi daripada India (3.1 peratus).

Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata Bumiputera (pada harga semasa) pada 2004 iaitu RM2,711 adalah lebih rendah daripada India (RM3,456).

Manakala kadar kemiskinan tegar Bumiputera pada 2004 iaitu 1.9 peratus adalah lebih tinggi daripada India (0.3 peratus). Begitu juga kadar kemiskinan keseluruhan, di mana Bumiputera membabitkan 8.3 peratus berbanding India cuma 2.9 peratus. Jika menggunakan logik songsang Hindraf, maka Bumiputera lebih wajar untuk menjerit!

Benar, ada data menunjukkan kaum India ketinggalan dalam keadaan tertentu. Contohnya dari segi hak milik modal saham syarikat berhad di mana mereka cuma memiliki 1.2 peratus. Tetapi, ketinggalan tidak sama dengan dipinggirkan. Lagipun MIC menyuarakan supaya ia dinaikkan kepada sekurang-kurangnya tiga peratus.

Apapun, kerajaan sentiasa melakukan penyelesaian, pengagihan dan penambahbaikan dengan adil dan saksama. Benar, ia belum sempurna, tapi hakikatnya ialah ia semakin bertambah baik dan lebih baik daripada di India! Jadi, tidak perlulah sampai meminta yang bukan-bukan, apalagi bertindak ganas.

Datuk Saifuddin Abdullah ialah Pengerusi Akademi Belia yang juga bekas Presiden Majlis Belia Malaysia (1998-2002)